

15 OCT 2002

S'pura-Air/I

S'PURA AKAN CABAR "HAK" M'SIA UNTUK KAJI SEMULA HARGA AIR

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 15 Okt (Bernama) -- Kerajaan Singapura hari ini mengulangi pendiriannya bahawa Malaysia tidak berhak mengkaji semula harga air yang dibekalkan ke republik itu, dan jika Malaysia tetap mahu mengkajinya semula, ia akan mencabar hak Malaysia.

"Adalah menjadi kewajipan bagi Malaysia untuk membuktikan yang ia masih mempunyai hak yang sah untuk mengkaji semula harga air. Jika mereka teruskan dengan pendirian itu, kita akan mencabar hak mereka itu," kata seorang jurucakap Kementerian Hal Ehwal Luar dalam satu kenyataan.

Jurucakap itu berkata demikian dalam menjawab pertanyaan media mengenai kenyataan Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar bahawa Malaysia "memberi Singapura satu lagi peluang" untuk menyelesaikan isu air itu di mesyuarat pegawai-pegawai kanan selama dua hari yang bermula esok di Johor.

"Perjanjian air 1961 dan 1962 mempunyai peruntukan-peruntukan bagi kajian semula harga air selepas 25 tahun. Tetapi Malaysia gagal menggunakan peruntukan-peruntukan ini apabila tiba masanya, dan kami dinasihatkan bahawa Malaysia kehilangan hak yang sah untuk berbuat demikian sekarang."

Di pihak Singapura, katanya, kita telahpun memaklumkan ini kepada pihak Malaysia. "Kami akan memberitahu ini kepada mereka sekali lagi dalam rundingan (esok) pada 16-17 Oktober."

Menurut jurucakap itu lagi, Singapura sedia mempertimbangkan cadangan Malaysia untuk hanya menumpukan pada isu air di mesyuarat pegawai-pegawai kanan.

"Jika pihak Malaysia hanya mahu bincangkan isu air, kita akan dengar apa yang mereka mahu katakan. Tetapi ini tidak mengubah pendirian kita bahawa Malaysia tidak mempunyai hak untuk mengkaji semula harga air," kata jurucakap itu.

Jurucakap itu juga menggariskan dua aspek isu air yang ia syorkan untuk perbincangan.

Pertamanya, harga air pada 2061 selepas tamatnya tempoh perjanjian Perjanjian Air 1962. Singapura berkata ia telahpun memberitahu pihak Malaysia bahawa dengan pengenalan NEWater, ia sedia biarkan Perjanjian Air 1961 terus luput.

Keduanya, harga air mentah sekarang dan air yang dirawat di bawah perjanjian-perjanjian sedia ada.

Singapura mahu kedua-dua aspek isu air ini dibincangkan dalam rundingan 16-17 Oktober. "Jika tidak, tiada asas untuk meneruskan dengan perbincangan," kata jurucakap itu.

Menurut jurucakap itu lagi, Singapura telah menunjukkan fleksibiliti dalam menyelesaikan isu kajian semula harga air bagi bekalan sekarang ini dan ia sedia membincangkan isu itu walaupun pihak Malaysia telah banyak kali dimaklumkan yang ia kehilangan hak untuk mengkaji semula.

"Malaysia telah mengeluarkan pelbagai kenyataan awam. Dan Malaysia berulang kali mengubah pendirian mengenai isu air dan isu-isu lain dalam pakej itu," kata kenyataan itu.

Mengenai pertemuan antara kedua-dua Perdana Menteri, Goh Chok Tong dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pada 8 Okt, jurucakap itu mengulangi bahawa Dr Mahathir telah menegaskan kedua-dua pihak harus cuba menyelesaikan isu air.

Dr Mahathir, menurut jurucakap itu lagi, mahu mengasingkan isu air daripada isu-isu lain dalam pakej itu. Bagaimanapun, Perdana Menteri Singapura mengulangi semua isu itu saling berkaitan.

Kementerian Luar republik itu juga mengesahkan bahawa Singapura telah menerima surat Dr Mahathir bertarikh 7 Okt menyatakan Malaysia telah tidak lagi meneruskan dengan pendekatan pakej.

Menurutnya, Dr Mahathir tidak menyebut mengenai surat itu pada perjumpaan 8 Okt lepas. "Kita berharap, perbincangan 16-17 Okt ini akan memberi sedikit gambaran mengenai pendirian Malaysia. Kita akan pergi mendengar penjelasan Malaysia."

Pada 14 Okt, menurut kementerian itu, Goh telah menjawab bahawa Perdana Menteri kedua-dua buah negara telah lama bersetuju untuk membuat perseimbangan menerusi pakej yang meliputi air, ruang udara, Perkara-perkara Perjanjian (POA), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Pusat (CPF), dan jambatan yang menggantikan tambak.

"Memandang Perdana Menteri (Dr) Mahathir bertegas untuk mengasingkan air daripada pakej, perseimbangan tidak mungkin tercapai. Singapura akan membincangkan air dan isu lain secara individu dan berasingan atas merit tersendiri perkara-perkara itu dan bukan sebagai pakej," kata jurucakap itu.

-- BERNAMA
SS MOZ